

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID (KOTA TINGGI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.10.2016

Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan aspirasi program Gabungan Rakan Entreprenuer Aspirasi Terhebat (GREAT) kepada usahawan muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Gabungan Rakan Entrepreneur Aspirasi Terhebat (GREAT) telah diadakan pada 2 & 3 April 2016 di Kuching, Sarawak dan telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

Program ini, yang diadakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak adalah bertujuan untuk menyediakan satu platform bagi menghubungkan usahawan-usahawan Sarawak dengan pelbagai pihak di dalam ekosistem keusahawanan negara, termasuk agensi kerajaan, sektor swasta dan NGO keusahawanan. Melalui GREAT juga, para usahawan Sarawak berpeluang untuk mendapatkan pendedahan berkaitan peluang keusahawanan baru, menghadiri pelbagai sesi bengkel dan ceramah bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran diri, mendapat fasilitasi daripada agensi-agensi keusahawanan yang ada, dan bermacam lagi manfaat lain. Jumlah keseluruhan penyertaan program GREAT sepanjang 2 hari acara berlangsung adalah seramai 7,595 peserta.

PROGRAM HIGHLIGHTS

2. Program GREAT telah berjaya menghimpunkan para usahawan dari pelbagai peringkat, agensi keusahawanan, NGO dan pelabur di bawah satu platform dan melibatkan perkara-perkara berikut:
 - i. Seramai 31 orang penceramah termasuk 2 orang penceramah antarabangsa daripada Silicon Valley, Amerika

Syarikat terlibat;

- ii. Sebanyak 9 slot bual bicara dan 5 panel perbincangan telah dilaksanakan;
- iii. Program SEHATI berjaya menarik penyertaan lebih daripada sasaran iaitu seramai 1,400 peserta. Program SEHATI merupakan satu program kesedaraan terhadap keusahawanan sosial di bawah kelolaan Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC);
- iv. Seramai 98 pempamer terlibat yang terdiri daripada 50 buah agensi keusahawanan persekutuan, 10 buah agensi Sarawak, 38 orang usahawan Sarawak dan NGO;
- v. Sebanyak 26 sesi program deramah/bengkel dilaksanakan melibatkan penyertaan seramai 3,777 orang; dan
- vi. Pelancaran Pertandingan Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

HASIL KEBERKESANAN PROGRAM GREAT

3. Program GREAT telah memberikan hasil yang memberangsangkan, antaranya seperti berikut:

- i. Seramai 38 orang usahawan Sarawak memperolehi pendapatan hasil jualan selama 2 hari berjumlah RM54 ribu;

- ii. Sebanyak 8 buah idea keusahawanan sosial yang berpotensi tinggi telah dibentangkan;
 - iii. Seramai 52 orang peserta berminat untuk memulakan keusahawanan sosial dalam tempoh 1 tahun akan datang;
 - iv. Sebanyak 3 buah syarikat menyatakan minat untuk bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk mempromosi teknologi UPM bagi rangkaian mereka;
 - v. Sebanyak 8 buah pelan perniagaan berasaskan kebudaayaan telah dihasilkan melalui bengkel yang diadakan;
 - vi. Sebanyak 2 buah syarikat *startup* tempatan berjaya untuk dibawa ke program susulan oleh RAVE Accelerator;
 - vii. Sebanyak 16 buah prototaip *games* telah dicipta;
 - viii. Sebanyak 6 buah idea keusahawanan mendapat pembiayaan ramai (crowdfunding) selepas berjaya disenarai pendek semasa sesi *pitching* dan konsultasi persendirian; dan
 - ix. Peserta juga mendapat tawaran daripada hypermarket TESCO untuk mendaftar sebagai pembekal atau vendor bagi produk mereka.
4. Selain itu juga, berdasarkan maklumbalas daripada pihak pempamer, seramai 89% berminat untuk menjadi pempamer bagi program seumpama ini di masa akan datang. Malahan berdasarkan

maklumbalas, pempamer juga menyatakan sebanyak 42% booth telah dihadiri lebih daripada 500 pengunjung dalam satu-satu masa.